



GARISPANDUAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI BAGI TAHUN 1442 HIJRAH / 2021 MASEHI

1. Walaupun situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada masa ini adalah dalam keadaan terkawal dan tidak ada jangkitan tempatan dilaporkan dalam masa hampir setahun, tetapi masih terdapat kekhuatiran terhadap jangkitan wabak COVID-19, memandangkan situasi COVID-19 di luar negara masih berterusan dan pelaksanaan program vaksinasi di negara ini masih berada di peringkat awal. Oleh yang demikian, Negara Brunei Darussalam masih perlu meneruskan langkah berjaga-jaga dengan mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan pada waktu pandemik ini.
2. Sehubungan dengan itu, mengambilkira situasi semasa COVID-19 dan Negara Brunei Darussalam sedang berada pada Tahap 5 *De-escalation Plan* maka pada tahun ini, Sambutan Hari Raya Aidilfitri boleh diraikan dengan mengadakan acara persendirian (*private events*) sahaja iaitu menjemput ahli keluarga dan rakan rapat sahaja dengan mematuhi garis panduan seperti berikut:
 - i. Acara persendirian di rumah adalah disarankan untuk diadakan secara berjadual bagi mengelakkan kesesakan pada satu-satu masa mengikut kesesuaian keluasan rumah berkenaan;

- ii. Bagi keluarga yang besar yang mempunyai ruang rumah yang terhad yang ingin mengadakan acara persendirian, adalah dinasihatkan untuk mengadakan acara tersebut di dewan dengan mematuhi garis panduan yang sedia ada termasuk had keramaian perkumpulan ramai yang berkuatkuasa pada masa ini dan mengimbas kod QR semasa masuk ke dalam dewan;
- iii. Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau merasa tidak sihat adalah ditegah untuk menziarahi ataupun diziarahi oleh keluarga terdekat;
- iv. Amalan bersalaman dengan berjabat tangan dan berpelukan tidaklah digalakkan; memadai dengan memberikan isyarat salam dengan meletakkan tangan di atas dada, memberikan senyuman atau menganggukkan kepala sebagai tanda hormat dan salam. Elakkan sedaya upaya dari menyentuh atau membuat kontak fizikal dengan orang lain;
- v. Pastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa bersih dan terjaga terutama sekali kebersihan tangan;
- vi. Amalkan etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa; dan
- vii. Elakkan daripada berkongsi peralatan makan dan minum seperti sudu, garpu, piring dan cawan.

3. Bersama-samalah kitani melindungi diri dan keluarga serta bertanggungjawab dalam menangani penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 07 Ramadhan 1442H / 20 April 2021M